

04 OCT 1996

LEAD Mahathir-Bangla

NASIB PEKERJA BANGLADESH DITENTUKAN 16 OKT INI

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Nasib rakyat Bangladesh yang sedang bekerja di negara ini dan sama ada kemasukan mereka akan terus dibenarkan pada masa depan akan ditentukan Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 16 Okt ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi MKN, berkata mesyuarat MKN pertengahan bulan ini akan menimbang kemungkinan mengurangkan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh berikutan masalah sosial yang dibangkitkan mereka di negara ini.

"Perkara ini dibangkitkan oleh anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno dan saya sebagai Pengerusi MKN akan membawa perkara ini kepada mesyuarat MKN," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat MT parti itu di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak laporan negatif mengenai pekerja asing dari Bangladesh seperti pergaduhan dengan penduduk tempatan di Pulau Pinang dan Johor.

Dr Mahathir berkata, MT memandang serius masalah sosial yang ditimbulkan oleh pekerja dari negara itu dan menyerahkan kepada MKN untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah sejak dulu lagi mengingatkan mengenai masalah sosial yang akan melanda negara ini jika Malaysia terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Katanya, peringatan beliau itu kini sudahpun menjadi kenyataan apabila hampir setiap hari ada sahaja laporan mengenai masalah sosial yang dibangkitkan oleh pekerja asing.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata, kemasukan pekerja asing yang begitu ramai di negara ini berpunca daripada sikap rakyat tempatan yang enggan melakukan kerja-kerja buruh.

"Kita kadang-kadang cari jalan mudah macam setengah-setengah negara di Asia Barat. Mereka (rakyat negara Asia Barat) lebih mudah menerima pekerja asing kerana mereka tidak sanggup bekerja," katanya.

Katanya, walaupun kerajaan menerima hakikat bahawa Malaysia memerlukan pekerja asing dalam kepesatan pembangunan di negara ini, keengganan rakyat tempatan yang masih menganggur untuk melakukan kerja-kerja buruh amat dikesali kerana negara kini terpaksa menghadapi masalah sosial yang timbul.

Kini terdapat 1.5 juta pekerja asing berdaftar di Malaysia manakala jumlah yang memasuki negara ini secara haram dijangka melebihi angka itu.

Perdana Menteri turut ditanya sama ada beliau akan membincangkan isu pekerja asing dari Indonesia pada pertemuannya dengan Presiden Suharto yang tiba di sini Ahad ini untuk lawatan kerja dua hari.

Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak akan dibangkitkan kerana lawatan Suharto sebelum MKN membuat sebarang keputusan mengenai pekerja asing.

Mesyuarat MT selama lebih sejam itu, antara yang paling singkat, turut menerima laporan Jawatankuasa Disiplin Umno yang dipengerusikan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai amalan politik wang, salahguna kuasa dan melanggar larangan berkempen menjelang pemilihan parti minggu depan.

Dr Mahathir berkata, jawatankuasa itu tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk mengambil tindakan terhadap calon-calon terbabit dan dengan itu bilangan calon yang layak bertanding kekal 185 orang.

Bagaimanapun, beliau berkata, MT bersetuju menggugurkan 15 anggota

perwakilan kerana muflis -- 13 daripada senarai ke Perhimpunan Agung Umno dari 10 hingga 12 Okt ini manakala dua lagi daripada senarai perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda Umno pada 9 Okt.

Katanya, para perwakilan yang digugurkan itu tidak akan diganti.

Dr Mahathir berkata, MT juga mengulangi amaran keras supaya anggota Umno mematuhi larangan berkempen sehingga pemilihan selesai minggu depan.

Katanya, peringatan itu dibuat bagi mengelakkan calon-calon daripada beranggapan kononnya perbuatan seperti menganjurkan jamuan apabila perwakilan mula tiba di ibu negara untuk menghadiri perhimpunan tidak dilarang.

Kepada perwakilan yang bakal tiba di ibu negara minggu depan, beliau mengingatkan mereka supaya "jangan berkempen dan jangan jadi macam ulat yang melata dari bilik ke bilik".

-- BERNAMA

AH AHH